



LAWATAN EHSAN ISTERI MANGSA PEMANDU MABUK



Pada 6 Jun 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkesempatan melawat Puan Zahlawatti Dahlan yang merupakan balu kepada Mohamed Zaili Mohamed, penghantar makanan yang menjadi mangsa akibat kejadian dilanggar pemandu mabuk pada 1 Jun lalu.

Dalam lawatan ke rumahnya di Riverdale, Bukit Antarabangsa, YB Zuraida menzahirkan rasa simpatinya kepada keluarga mangsa dan turut memberikan sumbangan, yang diharap dapat memberi keringanan kepada keluarga dalam menghadapi situasi ketika ini.

Jika sebelum ini tugas ketua keluarga digalas oleh suaminya, kini peranan berkenaan dilakukan oleh Puan Zahlawatti untuk menyara 5 orang anak termasuk 4 orang anak tiri yang berusia diantara 6 tahun hingga 15 tahun.

YB Zuraida turut memaklumkan kepada Puan Zahlawatti, bahawa peruntukan undang-undang berkaitan pemandu mabuk akan dibawa oleh Kerajaan Persekutuan ke Parlimen Julai ini untuk dibahaskan supaya dapat memberi keadilan kepada semua.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat